

**UMNO Bukan Punca Masalah Pengundi Hantu Di Sabah, Kata Yahya Bernama  
Ogos 03, 2011**

KOTA KINABALU, 3 Ogos (Bernama) -- Timbalan Ketua Menteri Datuk Yahya Hussin pada Rabu menolak dakwaan presiden Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee baru-baru ini kononnya masalah pengundi hantu di Sabah berpunca daripada sikap Umno yang mementingkan diri sendiri.

Beliau berkata pengundi hantu bukan ciptaan Umno dan Umno tidak pernah mencampuri urusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

"Kami hanya membantu mendaftarkan penyokong kami...itu saja. Lihatlah perlembagaan parti kami, ia tidak langsung menyebut kami perlu mewujudkan pengundi hantu," katanya kepada pemberita selepas melawat Bazar Ramadan di Asia City, di sini.

Yahya, yang juga setiausaha perhubungan Umno Sabah berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan Yong pada Isnin bahawa "kemunculan semula pendaftaran pengundi hantu berpunca daripada sikap Umno yang mementingkan diri sendiri dalam pengeluaran MyKad".

Yong juga dipetik sebagai berkata bahawa untuk menyelesaikan masalah itu, tindakan perlu diambil terhadap orang Umno yang bersekongkol dalam pengeluaran dokumen kewarganegaraan yang meragukan kepada orang asing.

Yahya menafikan dakwaan Yong itu dengan berkata Umno Sabah tidak pernah menyokong perbuatan mewujudkan pengundi hantu.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=605817>